

Umno diminta selesaikan krisis Nasir, Mahathir

B.H. 15 JUN 1973

ALOR SETAR, Khamis.

MAJLIS Kerja Tertinggi Umno akan diminta menyelesaikan perselisihan antara Naib Pengerusi Umno Malaysia, Tan Sri Syed Nasir Ismail dan Senator Dr. Mahathir Mohamed, juga seorang anggota Majlis itu.

Dr. Mahathir, juga Ketua Umno Bahagian Alor Setar, baru-baru ini mengkritik Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN), yang dipengerusikan oleh Tan Sri Syed Nasir.

Dr. Mahathir berkata hari ini beliau akan meminta Majlis Kerja Tertinggi Umno mengambil keputusan samada:

● Sebagai seorang ahli Majlis itu, adakah salah beliau mengkritik LPN,

● Adakah kritik-kritiknya kerana beliau tidak mendapat satu lesen dari LPN untuk mengimpor beras.

Tak tahu

Dr. Mahathir memberitahu satu persidangan Akhbar di Rumah Umno di sini bahawa berikutan dengan kritiknya terhadap LPN, Tan Sri Syed Nasir, selaku pengerusinya, telah dilapurkan sebagai berkata adalah salah bagi Dr. Mahathir untuk mengkritik sebuah badan berkanun Kerajaan, kerana dia adalah seorang ahli Majlis Kerja Tertinggi Umno.

Tan Sri Syed Nasir juga dilapurkan sebagai berkata setengah-setengah pemimpin Umno mengkritik ba-

dan-badan Kerajaan kerana mereka tidak mendapat lesen yang mereka pohonkan.

Dr. Mahathir menjelaskan Selasa lalu, dia mendapati Syarikat Pelaras yang beliau menjadi salah seorang pengarah, telah memohon lesen dari LPN bagi mengimpor beras dari Thailand.

Katanya beliau tidak menyedari permohonan itu hingga Selasa lalu, bahawa pemangku pengurus syarikat tersebut, Enclik Ismail Ahmad, telah membuat permohonan tanpa memberitahu Lembaga Pengarah.

Oleh sebab itu, kata Dr. Mahathir, teguran-tegurannya terhadap LPN tidak boleh dianggap dilakukannya kerana permohonan lesen syarikat itu tidak diluluskan.

"Oleh itu, saya terpaksa meletak jawatan dari syarikat Pelaras dengan sertamerta," katanya.

Kata Dr. Mahathir dia tetap berpegang teguh atas apa yang dinyatakannya tentang harga padi dan beras.